

# SALBUTIS (SALBUTAMOL INHALATION AEROSOL CFC FREE)

Salbutamol sulphate (100mcg/dos)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SALBUTIS
2. Bagaimana SALBUTIS berfungsi
3. Sebelum menggunakan SALBUTIS
4. Cara menggunakan SALBUTIS
5. Semasa menggunakan SALBUTIS
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SALBUTIS
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

## Apakah kegunaan SALBUTIS

SALBUTIS digunakan untuk melegakan dan mencegah simptom asma. Ia harus digunakan untuk melegakan simptom itu apabila berlaku, dan mencegahnya dalam keadaan yang dikenali akan menyebabkan serangan asma (contohnya sebelum bersenam atau pendedahan alergen yang tidak dapat dielakkan).

## Bagaimana SALBUTIS berfungsi

Salbutamol berfungsi dengan mengendurkan otot saluran pernafasan paru-paru, untuk membantu memperbaiki keselesaan bernafas pada orang dengan penyakit saluran pernafasan obstruktif berbalik.

## Sebelum menggunakan SALBUTIS

### - Bila tidak boleh menggunakan

- anda alergik (hipersensitif) terhadap salbutamol sulphate atau mana-mana bahan kandungannya yang tidak aktif.
- Untuk kelahiran pramatang
- Untuk keguguran terancam

## Mengandung dan menyusukan anak

Jangan guna SALBUTIS jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Salbutamol mungkin dirembeskan dalam susu ibu, jangan guna SALBUTIS jika anda sedang menyusukan anak.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum mula menggunakan

## Bincang dengan doktor sebelum anda mula menggunakan ubat ini jika anda mengalami:

- penyakit jantung atau tekanan darah tinggi;
- kencing manis;
- tiroid yang terlampau aktif

## Perkara penting yang perlu diingati semasa anda menggunakan ubat ini:

- Jangan gunakan inhaler anda lebih kerap daripada yang diberitahu doktor. Maklumkan doktor jika ubat anda nampaknya tidak berfungsi dengan baik seperti biasa, kerana masalah dada anda boleh semakin teruk dan anda mungkin memerlukan ubat yang berlainan.
- Doktor mungkin telah memberitahu anda untuk menggunakan lebih daripada ini sebagai rawatan kecemasan jika keadaan berdehit atau pernafasan anda menjadi sangat teruk. Amat penting untuk anda mengikut arahan doktor tentang berapa banyak sedutan untuk diambil dan berapa kerap menggunakan inhaler anda.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan, terutamanya propranolol (untuk tekanan darah tinggi).

## Cara menggunakan SALBUTIS

### - Berapa banyak harus digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Untuk bronkospasme (kesukaran bernafas) mendadak dan berjangka pendek: Dos dewasa: 100 - 200 mcg sehari.

Dos kanak-kanak: 100 mcg sehari. Jika perlu, dos boleh bertambah kepada 200mcg.

Pencegahan bronkospasme (kesukaran bernafas) yang disebabkan senaman atau alergen:

Dos dewasa: 200mcg sehari sebelum melakukan senaman

Dos kanak-kanak: 100 mcg sehari sebelum melakukan senaman. Jika perlu, dos boleh bertambah kepada 200mcg.

Untuk terapi berpanjangan:

Dos dewasa: Sehingga 200mcg empat kali sehari.

Dos kanak-kanak: Sehingga 100mcg empat kali sehari.

### - Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Kesan-kesan berikut mungkin berlaku:

- jantung anda berdenyut lebih cepat daripada biasa.
- anda berasa menggeletar .
- rasa mual, pening, penat

- mulut kering
- sakit kepala
- sakit dada
- tekanan darah naik atau turun
- sawan

### Semasa menggunakan SALBUTIS

#### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan SALBUTIS.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

#### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi SALBUTIS dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

#### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Simpan SALBUTIS jauh daripada kelembapan dan haba. Simpan kanister ubat jauh daripada haba tinggi, seperti api terbuka atau dalam kereta pada hari yang panas. Kanister boleh meletup jika ia terlalu panas.

Ia akan menyebabkan toleransi dalam tempoh penggunaan yang berpanjangan.

### Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubat lain, SALBUTIS boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-sesan sampingan berikut mungkin berlaku dengan ubat ini: mulut kering, debaran jantung yang kuat, batuk, pening dan muntah.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

### Cara penyimpanan dan pelupusan SALBUTIS

#### - Penyimpanan

Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak

Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada fros dan cahaya matahari langsung.

#### - Pelupusan

Kanister itu bertekanan udara dan tidak harus dicucuk atau dibakar walaupun ia seolah-olah kosong. Ubat tidak seharusnya dilupuskan melalui air buangan atau sisa rumah. Jika doktor memutuskan untuk menghentikan rawatan anda, kembalikan inhaler kepada doktor atau ahli farmasi untuk pelupusan yang selamat. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar. .

### Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna produk

SALBUTIS ialah sejenis ampaian putih atau kuning sedikit bercampur dengan kuantiti bahan dorong yang tepat dan disimpan dalam kanister bertekanan udara dengan sistem injap bermeter.

#### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:  
Salbutamol (sebagai sulphate BP)
- Bahan tidak aktif:  
Oleic acid  
Absolute ethanol  
HFA 134a

#### - Nombor MAL:

MAL11080001AZ

### Pengilang

Jewim Pharmaceutical (Shandong) Co., Ltd  
Tai'an High-Tech Industrial Development Zone, Shandong Province, China.

### Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn Bhd  
55&57, Lorong Sempadan 2,  
(Off Boundary Road),  
11400 Ayer Itam, Penang.

### Tarikh kemas kini RiMUP

22.3.2018

### Nombor Siri:

NPRA(R4/1)260118/00026

### Cara Penggunaan Penyedut Anda dengan betul



1. Keluarkan penutup dari pelekap mulut dan goncang penyedut dengan kuat.
2. Pegang penyedut seperti yang ditunjukkan, hembus nafas keluar perlahan-lahan (tetapi tidak sepenuhnya) dan kemudian.
3. Letakkan pelekap mulut di dalam mulut dan rapatkan bibir anda, tekan penyedut dengan tegas, seperti yang ditunjukkan, untuk melepaskannya dan terus menarik nafas.
4. Tahan nafas anda selama 10 saat, atau selagi selesa, sebelum hembus nafas dengan perlahan.
5. Jika anda ingin mengambil penyedutan kedua, anda harus menunggu sekurang-kurangnya satu minit sebelum mengulangi langkah 2, 3 dan 4.
6. Selepas digunakan, letakkan balik penutup pada pelekap mulut.

### Mencuba Penyedut Anda

- Semasa mengguna penyedut untuk kali pertama, mencuba jika ia berfungsi. Keluarkan penutup pelekap mulut dengan menekan tepinya secara lembut dengan ibu jari dan jari terlunjuk anda.
- Untuk memastikan ia berfungsi, goncangkan, jauhkan pelekap mulut dari anda dan menekan kanister untuk melepaskan satu dos ke udara. Jika anda belum menggunakan penyedut selama 1 minggu atau lebih, lepaskan dua dos ubat ke udara.

### Membersih Penyedut Anda

Untuk menghalang penyedut anda tersumbat, adalah sangat penting untuk membersihkannya sekurang-kurangnya satu kali seminggu.

---

Untuk membersih penyedut anda:

- Mengeluarkan penutup pelekap mulut.
- Jangan keluarkan kanister logam dari sarung plastik pada bila-bila masa.
- Lap bahagian dalam dan luar pelekap mulut dan sarung plastik dengan kain kering atau tisu.
- Letak balik penutup pelekap mulut.

Jangan letak kanister logam ke dalam air.